

Syarat ketat bagi universiti asing

KUALA LUMPUR, Sela-
sa - Kerajaan akan men-
syaratkan universiti
asing yang membuka ca-
wangannya di Malaysia
selepas pindaan Akta
Universiti dan Kolej Uni-
versiti 1971 nanti, mena-
warkan kursus yang me-
penuhi keperluan ne-
gara, kata Datuk Seri Dr
Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri ber-
kata, universiti berke-
naan juga tertakluk ke-
pada syarat-syarat lain
termasuk memastikan
majoriti pelajar adalah
dari luar negara.

"Mereka boleh meng-
gunakan bahasa asing
tetapi perlu juga meng-
adakan beberapa kursus
dalam Bahasa Melayu
dan yang ada kaitan de-
ngan negara ini," katanya
selepas merasmikan
Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya, di sini
hari ini.

Dr Mahathir berkata,
kerajaan perlu menyege-
rakan pindaan itu yang
membolehkan universiti
asing membuka cawa-
ngannya di negara ini,
supaya penghantaran
pelajar tempatan ke se-
berang laut dapat diku-
rangkan.

Langkah mengurang-
kan pelajar Malaysia
pada usia muda ke luar
negara terutama bagi
pengajian ijazah per-
tama, boleh mengelak
pelbagai masalah sosial.

"Ketika ini kira-kira
50,000 pelajar Malaysia
berada di luar negara
serta belajar dalam ba-
hasa asing yang tidak
memberi manfaat ke-
pada mereka dan negara.